

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Ogos 2025
2½ jam

UJIAN DIAGNOSTIK TINGKATAN 5

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis nama dan tingkatan pada halaman hadapan Helaian Jawapan yang disediakan.*
9. *Semua kertas jawapan dan jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

Bahagian A
[60 markah]
*Jawab **semua** soalan.*

- 1 (a) Nyatakan peringkat kitaran perakaunan yang betul berdasarkan pernyataan berikut:
- (i) Terdiri daripada Jurnal Am, Jurnal Khas, Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit.
 - (ii) Akaun hasil dan belanja akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan dan Untung Rugi. [2 markah]
- (b) Nyatakan andaian, prinsip atau batasan yang dipatuhi dalam situasi berikut:
- (i) Kilang Kicap Lazat bercadang membeli 2 buah mesin baharu untuk memproses kicap bagi meningkatkan produktiviti.
 - (ii) Perkhidmatan cucian baju oleh Kedai Mydobi ialah RM3 untuk setiap kilogram. [2 markah]
- (c) Nyatakan **dua** cadangan yang boleh diambil oleh sebuah perniagaan jika mengalami kurangan dalam Belanjawan Tunai. [2 markah]
- (d) Urusniaga berikut telah dikesan terdapat kesilapan sewaktu perekodan.
- Jualan barang niaga secara tunai kepada Aliff Enterprise RM440 telah direkod sebagai RM404 dalam kedua-dua akaun.
- Rekodkan pembetulan kesilapan tersebut ke dalam Jurnal Am. (Keterangan tidak diperlukan) [2 markah]

PPC 2025 - MELAKA

(e) Maklumat berikut diambil daripada Kelab Tarian Warisan pada 1 Mei 2025.

	RM
Bank	8 000
Yuran Belum Terperoleh	500
Yuran Belum Terima	350
Alatan tarian	6 200
Kenderaan	35 000

Hitung dana terkumpul kelab pada 1 Mei 2025.

[2 markah]

- 2 Azura, Mary dan Balan adalah rakan kongsi Perkongsian Muhibah yang beroperasi di Bukit Katil, Melaka.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku Perkongsian Muhibah pada 31 Disember 2024.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Modal 1 Januari 2024:		
Azura		40 000
Mary		20 000
Balan		20 000
Akaun Semasa 1 Januari 2024:		
Azura		1 000
Mary		500
Balan	300	
Ambilan:		
Mary - 30 Jun 2024	1 800	
Balan - 30 September 2024	4 000	
Pinjaman Azura (matang pada 31 Disember 2030)		10 000
Faedah atas pinjaman Azura	600	
Pinjaman Bank Maju (matang pada 31 Disember 2025)		5 000
Akaun Belum Terima	3 000	
Akaun Belum Bayar		9 700
Bank	11 930	
Tunai	1 120	
Kenderaan (kos)	60 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		6 000
Gaji pekerja	30 000	
Elaun Balan	500	
Gaji Azura	10 000	
Untung bersih sebelum pelarasan		47 600

Ikatan perkongsian menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Azura, Mary dan Balan mengikut nisbah modal awal.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun.
- (iii) Gaji bulanan Azura dan Mary RM1 800 dan RM1 500 masing-masing.
- (iv) Faedah atas ambilan ditetapkan seperti berikut:

Jumlah ambilan RM	Kadar faedah setahun (%)
0 – 2 000	4
2 001 – 4 000	5
Melebihi 4 001	6

- (v) Pinjaman daripada pekongsi dibayar faedah 8% setahun.

Pelarasan yang perlu diambil kira:

- (i) Hutang lapuk terpulih RM1 000 diterima dengan cek.
- (ii) Faedah atas pinjaman Bank Maju ialah 3% setahun.
- (iii) Mary membawa masuk modal RM10 000 pada 31 Disember 2024.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pelarasan Untung Bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [5 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. [9 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan (Ekuiti Pemilik sahaja). [3 markah]

PPC 2025 - MELAKA

- 3 Aafa Dhia Humairah pemilik tunggal perniagaan Qaseh Enterprise telah menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.

Baki pada 1 September 2023	RM
Modal	35 624
Inventori	23 900
Kenderaan (kos)	20 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	3 400
Alatan pejabat (kos)	8 200
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 640

Baki pada 31 Ogos 2024	
Bank	36 840
Pinjaman bank (matang 31 Ogos 2026)	36 000
Pelaburan	10 000
Ambilan	1 050
Komisen diterima	1 320
Alat tulis	325
Belian	49 100
Utiliti	1 146
Sewa	5 350
Belanja membaiki	393
Jualan	96 700
Pulangan jualan	860
Akaun Belum Bayar	10 410
Akaun Belum Terima	8 850
Gaji	11 200
Angkutan masuk	640
Faedah atas pinjaman	3 600
Insurans	3 640

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Ogos 2024.

	Produk X	Produk Y	Produk Z
Harga kos (RM)	5 850	8 320	10 240
Harga pasaran (RM)	6 120	7 490	11 420

(ii) Pemilik menetapkan kaedah pengiraan susut nilai seperti berikut:

- Kenderaan digunakan untuk tempoh 10 tahun. Nilai skrap kenderaan dijangka RM3 000.
- Alatan pejabat disusut nilai dengan kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(iii) Inventori akhir alat tulis RM155.

(iv) Pemilik telah membuat pinjaman berjumlah RM60 000 mulai 1 September 2021 dengan kadar faedah 8% setahun.

(v) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 4% atas baki Akaun Belum Terima.

(vi) Pada 31 Ogos 2024:

- Insurans prabayar RM280
- Komisen belum terima RM330

(vii) Dokumen berikut belum direkodkan dalam buku perniagaan.

Qaseh Enterprise MT 1333, Jalan Durian Daun, 78300 Masjid Tanah, Melaka MEMO Tarikh: 1 Mac 2024 Pemilik menerima tunai berjumlah RM350 atas hutang lapuk yang telah dihapuskan. Tunai tersebut telah digunakan untuk membayar yuran tuisyen anak. <i>ADH</i> Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2024.

[13 markah]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2024.

[12 markah]

Bahagian B[40 *markah*]Jawab *dua* soalan sahaja.

- 4 (a) Syed Alif merupakan pemilik Perniagaan Al Hambra yang beroperasi di Krubong, Melaka. Beliau telah menerima Penyata Bank bagi bulan April 2025 dan mendapati baki Penyata Bank berbeza dengan baki di Buku Tunai.

Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai pada tarikh tersebut.

PENYATA BANK PUBLIC BANK BHD					
Perniagaan Al Hambra No. 3, Jalan Satu Krubong 75260 Melaka.			No Akaun: 03-303030101-9 Tarikh: 30 April 2025		
Tarikh	Butir	No.Cek	Debit	Kredit	Baki
2025 April 1	Baki b/b		RM	RM	RM 2 830 kt
2	Cek	107120	2 400		430 kt
3	Deposit			1 760	2 190 kt
6	Deposit			6 230	8 420 kt
	Faedah atas pinjaman		280		8 140 kt
7	Cek	107122	4 650		3 490 kt
	Deposit			2 200	5 690 kt
10	Cek	107123	1 550		4 140 kt
11	Sewa - Arahan tetap		1 250		2 890 kt
15	Dividen Syarikat Anggun Bhd			1 450	4 340 kt
20	Buku cek		10		4 330 kt
29	Cek	107124	1 780		2 550 kt
30	Cek	107125	4 800		2 250 dt

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	No cek	RM
2025 April 1	Baki b/b	2 190	2025 April 6	Utiliti	107122	4 650
4	Jualan	6 230	9	Sewa	107123	1 550
6	Shefa	1 250	18	Belian	107124	1 870
9	Komisen	2 200	26	Gaji	107125	4 800
12	Perniagaan Mira	1 020	29	Kilang Berapi	107126	2 120
30	Kedai Inaz	952				
	Baki h/b	1 148				
		14 990				14 990

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 107124 telah dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 12 April telah dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki:

- (i) mengemas kini Buku Tunai bagi bulan April 2025. [7 markah]
- (ii) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2025. [5 markah]

(b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku Syarikat Polaris Berhad.

Syarikat Polaris Berhad	
<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 (petikan)</u>	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
3 000 000 unit 8% Syer Keutamaan	3 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	<u>4 500 000</u>

Jadual berikut menunjukkan keuntungan syarikat yang diagihkan untuk pembayaran dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember.

Tahun	Keuntungan yang diagihkan RM
2021	650 000
2022	230 000
2023	0
2024	700 000

Anda dikehendaki menghitung pembayaran dividen bagi 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun 2021 hingga 2024. [8 markah]

- 5 Puan Haniya pemilik Kedai Haiwan Peliharaan Comel telah menjalankan perniagaan di No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe, 75150 Bukit Baru, Melaka.

Beliau berhasrat menyediakan Buku Tunai Runcit pada 1 Mac 2025 dengan dana tunai runcit RM200.

Baki-baki aset dan liabiliti perniagaan pada 1 Mac 2025 adalah seperti berikut:

	RM
Lengkapan	80 000
Tunai di bank	35 000
Tunai di tangan	3 000
Akaun Belum Terima: Kedai Haiwan Melisa	4 400
Akaun Belum Terima: Oyen Trading	1 900
Akaun Belum Bayar: Kitty Enterprise	2 470

Berikut adalah dokumen sumber perniagaan sepanjang bulan Mac 2025.

Tarikh	: 1 Mac 2025
Penerima	: Kerani akaun
Untuk	: Tunai Runcit

	Ringgit	Sen
Baki akhir	35 000	00
Deposit	-	-
Jumlah	35 000	00
Cek ini	200	00
Baki	34 800	00

MBB554619

**Keratan Cek
Dokumen 1**

ASAL	INVOIS Kitty Enterprise 5259C, Jalan Penghulu Abas, Bukit Baru, 75150 Melaka	INV 201		
Tarikh: 4 Mac 2025				
Kepada: Kedai Haiwan Peliharaan Comel No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe, 75150 Bukit Baru, Melaka.				
No.	Butiran	Harga seunit RM	Kuantiti Unit	Jumlah RM
1	Makanan Kucing Petland	40	100	4 000
2	Pasir Tofu	12	50	600
Jumlah				4 600
(Ringgit Malaysia: Empat ribu enam ratus sahaja) Diskaun tunai: 5% 15 hari, 2% 30 hari Angkutan dibayar K & K di K <i>Haniya</i> (Penerima) <i>Ka</i> (Pengurus)				

Dokumen 2

ASAL	NOTA DEBIT Kitty Enterprise 5259C, Jalan Penghulu Abas, Bukit Baru, 75150 Melaka	NB 150
Tarikh: 6 Mac 2025		
Kepada: Kedai Haiwan Peliharaan Comel No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe, 75150 Bukit Baru, Melaka.		
Akaun tuan/puan telah didebitkan seperti berikut:		
No.	Butiran	Jumlah RM
1	Caj Angkutan	45
(Ringgit Malaysia: Empat puluh lima sahaja) <i>Haniya</i> (Penerima) <i>Ka</i> (Pengurus)		

Dokumen 3

MEMO

Kedai Haiwan Peliharaan Comel
No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe,
75150 Bukit Baru, Melaka.

Tarikh: 7 Mac 2025

Kepada: Pengurus Akaun
Daripada: Haniya (Pemilik)

Perkara:
Mengambil RM550 tunai di bank untuk menjelaskan bayaran sewa kediaman.

Haniya

Pengurus

Dokumen 4**SLIP DAFTAR TUNAI**

PasarayaKu
No. 5, Taman Bendahara, Jalan Bukit Baru,
Bukit Baru, 75150, Melaka,

Tarikh: 8 Mac 2025

Butiran	Kuantiti Unit	Harga seunit RM	Jumlah RM
Beg plastik 6" x 10"	2	7	14
Beg plastik 6" x 4"	2	5	10
Jumlah			24
Tunai			25
Baki			1

Dokumen 5

ASAL	RESIT RASMI	RR1233
Kitty Enterprise 5259C, Jalan Penghulu Abas, Bukit Baru, 75150 Melaka		
Tarikh: 11 Mac 2025		
Diterima daripada	: Kedai Haiwan Peliharaan Comel	
Ringgit Malaysia	: Dua ribu empat ratus tujuh puluh sahaja	
Bayaran untuk	: Menjelaskan sebahagian hutang.	
RM2 470.00 Tunai / Cek: MBB554620		
<i>Ka</i> Pengurus		

Dokumen 6

SLIP DAFTAR TUNAI			
Kedai Runcit Hambali No 32, Tingkat Bawah, Jalan PNBBU 5, Pusat Niaga Bukit Baru Utama, 75150 Bukit Baru, Melaka			
Tarikh: 13 Mac 2025			
Butiran	Kuantiti Unit	Harga seunit RM	Jumlah RM
Teh Boh	2	3	6
Kopi 434	1	7	7
Jumlah			13
Tunai			20
Baki			7

Dokumen 7

SALINAN	BIL TUNAI	BT 520
Kedai Haiwan Peliharaan Comel No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe, 75150 Bukit Baru, Melaka.		
		Tarikh: 18 Mac 2025
Kepada: Kedai Kucing Arjuna No 54, KIP Business Park, 75350 Bachang, Melaka.		
Kuantiti Unit	Butiran	Harga seunit RM
2	Makanan Kucing Petland	60
2	Pasir Tofu	22
2	Vitamin Booster	16
Jumlah		196
(Ringgit Malaysia: Satu ratus sembilan puluh enam sahaja) Tunai / Cek: BCC03229		
		<i>Haniya</i> _____ Pengurus

Dokumen 8

MAYBANK BERHAD		
Rekod Urusan: Deposit		
Jumlah RM2 400	Tarikh 20 Mac 2025	Masa 21:00
Dari	Kepada Other A/C	Tempat
Nombor Akaun = 154056328894		
RM10 = 40	RM20 = 20	
RM50 = 20	RM100 = 6	
Sila simpan penyata rekod anda Terima kasih kerana berurusan dengan kami <i>Retain Statement For Your Record</i> <i>Thank You for banking with us</i>		

Slip Transaksi Perbankan Elektronik

Dokumen 9

BAUCAR PEMBAYARAN

Kedai Haiwan Peliharaan Comel
No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe,
75150 Bukit Baru, Melaka.

Tarikh: 25 Mac 2025

Kepada:
Gaji Mac 2025

Keterangan	No.Cek	Jumlah RM	Tandatangan penerima
Humaira binti Hafiz	MBB554621	1 500	<i>Humaira</i>
Haniya binti Helmi	MBB554622	2 000	<i>Haniya</i>
Jumlah		3 500	

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu lima ratus sahaja)

~~Tunai~~ / Cek: MBB554621, MBB554622

Haniya

Pengurus

Dokumen 10**RUMUSAN JUALAN TUNAI**

Kedai Haiwan Peliharaan Comel
No. 33, Lorong Medan Pasar, Taman Sin Hoe,
75150 Bukit Baru, Melaka.

Tarikh: 31 Mac 2025

Tempoh laporan: 15 Mac 2025- 31 Mac 2025

Kuantiti Unit	Butiran	Harga seunit RM	Jumlah RM
40	Makanan Kucing Petland	60	2 400
120	Pasir Tofu	22	2 640
50	Vitamin Booster	16	800
Jumlah			5 840

(Ringgit Malaysia: Lima ribu lapan ratus empat puluh sahaja)

Tunai / ~~Cek~~:

Haniya

Pengurus

Dokumen 11

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Jurnal Am [6 markah]
(b) Buku Tunai [9 markah]
(c) Buku Tunai Runcit dengan menunjukkan analisis pembayaran **minuman** dan **belanja am**. [5 markah]

- 6 (a) Pada 30 April 2025, Fasha seorang pemilik perniagaan milikan tunggal menyediakan maklumat berikut:

	RM
Lengkapan	54 500
Inventori	23 400
Akaun Belum Terima	8 600
Bank	10 600
Simpanan Tetap	20 000
Akaun Belum Bayar	7 800
Pinjaman	18 000
Utiliti Belum Bayar	250

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan Mei 2025.

- (i) Belian barang niaga secara kredit RM2 000.
- (ii) Inventori pada kos RM3 800 dijual dengan harga RM4 500 secara tunai dan dibankkan.
- (iii) Beliengkapan baru RM3 200 dengan cek.
- (iv) Tunai RM130 dikeluarkan dari bank untuk bayaran insurans peribadi.
- (v) Sekeping cek yang diterima daripada pelanggan Marisa RM650 telah dipulangkan oleh bank dengan bertanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (vi) Menjelaskan ansuran pinjaman RM300 dan faedah atas pinjaman RM45 dengan cek.
- (vii) Faedah atas simpanan tetap RM800 dikreditkan terus oleh bank.
- (viii) Pemilik membayar utiliti termasuk utiliti belum bayar dengan cek bernilai RM600.

Lengkapkan jadual yang disediakan bagi menunjukkan kesan setiap urus niaga.

[12 markah]

- (b) Jadual berikut menunjukkan anggaran jumlah kos dan jumlah hasil Kilang Kasut Ayra pada pelbagai peringkat keluaran. Kos tetap diandaikan malar.

Unit keluaran	Jumlah kos (RM)	Jumlah hasil (RM)
0	120 000	0
1 000	200 000	112 000
2 000	280 000	224 000
3 000	360 000	336 000

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung kos berubah seunit [2 markah]
- (ii) menghitung harga jualan seunit [1 markah]
- (iii) melakar graf titik pulang modal. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT